



**BAHAN BICARA  
DATO' SERI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN  
KETUA PENGARAH MAMPU**

**MAJLIS KHATAM AI-QURAN  
2015/1436H  
PERINGKAT MAMPU**

**8 JULAI 2015 (RABU)**

**1.00 TENGAHARI – 2.00 PETANG**

**BILIK MESYUARAT ARAS 6  
MAMPU PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmaanirrahim

Terima kasih Saudara Pengacara  
Majlis

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakaatuh,

Yang Berusaha Dr. Aizi Razman bin  
Ismail,

Timbalan Ketua Pengarah (TPP)  
MAMPU

Yang Berusaha Dr. Zulkefli Ibrahim,  
Pengerusi Kelab MAMPU

Yang Berbahagia Datin Seri Nik  
Hasmah binti Nik Kadir,  
Pengerusi PUSPANITA Cawangan  
Kecil MAMPU

**Muslimin dan Muslimat para peserta  
tadarus warga MAMPU yang saya  
kasihi sekalian.**

1. Alhamdulillah, marilah kita  
memanjatkan setinggi-tinggi  
kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T  
kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah  
kita berhimpun pada tengah hari ini  
sempena Majlis Khatam Al-Quran

2015/1436H peringkat MAMPU yang dianjurkan oleh Kelab MAMPU dengan kerjasama Puspanita Cawangan Kecil MAMPU.

2. Saya menyambut baik usaha Kelab MAMPU dan Puspanita Cawangan Kecil MAMPU menganjurkan program ini bersempena dengan bulan Ramadhan, atau 'bulan Tarbiyah' – iaitu bulan latihan bagi kita agar semua perkara dan kehendak hawa nafsu boleh dikawal demi untuk meningkatkan ketakwaan kita kepada Yang Maha Esa. Selain itu, adalah diharapkan

usaha ini akan menyuburkan lagi minat membaca al-Quran yang mendalam di kalangan warga MAMPU.

3. Saya difahamkan bahawa seramai 94 orang warga MAMPU telah mengambil bahagian dalam program tadarus Al Quran pada bulan Ramadan 1436H kali ini yang telah dilaksanakan mulai 18 Jun 2014. Jumlah ini menunjukkan peningkatan yang sangat memberangsangkan berbanding tahun lepas iaitu seramai 67 orang. Para peserta telah dibahagikan kepada 14 kumpulan yang terdiri daripada 8

kumpulan MAMPU Putrajaya dan 6 kumpulan MAMPU Cyberjaya.

4. Penghayatan kepada isi kandungan ayat-ayat suci al-Quran akan memberi kita inspirasi dan galakan untuk lebih berusaha mendekati diri kepada Ilahi dan menguasai segenap bidang ilmu pengetahuan. Ini kerana al-Quran banyak mengajak dan menyeru manusia untuk menimba dan memartabatkan ketinggian ilmu dalam kehidupan. Seperti ayat al-Quran yang pertama diturunkan kepada manusia yang bermaksud ;

*“ BACALAH, DENGAN NAMA  
TUHANMU YANG TELAH  
MENJADIKAN KALAM. DIA  
TELAH MENCIPTAKAN  
MANUSIA DARI SEGUMPAL  
DARAH. BACALAH DAN  
TUHANMU LAH YANG MAHA  
PEMURAH, YANG MENGAJAR  
(MANUSIA) DENGAN  
PERANTARAAN KALAM. DIA  
MENGAJARKAN KEPADA  
MANUSIA APA YANG TIDAK  
DIKETAHUIINYA”. (SURAH AL-  
ALAQ: AYAT 1 HINGGA 5)*

**Muslimin dan Muslimat warga  
MAMPU yang saya kasihi sekalian,**

5. Seperti kita sedia maklum, bulan Ramadan telah pun memasuki fasa sepuluh malam terakhir. Sesungguhnya pada fasa ini terdapat satu malam yang lebih mulia dari seribu bulan iaitu Lailatul Qadar.

6. Justeru, marilah kita bersama-sama merebut peluang dan ganjaran yang disediakan oleh Allah S.W.T dengan melipat gandakan amal ibadah, semoga amalan kebajikan yang kita lakukan sepanjang Ramadan mendapat keredhaan-Nya serta berjaya mentransformasikan rohani



dan jasmani kita menjadi seorang mukmin yang bertakwa.

7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kelab MAMPU dan Puspanita Cawangan Kecil MAMPU atas inisiatif yang dilaksanakan ini. Saya juga berdoa semoga kita semua dipanjangkan umur, diberi kesihatan yang baik dan diberikan kesempatan lagi untuk menyambut bulan Ramadan seterusnya.

Dengan lafaz Bismillah hirrahman nirrahim, saya dengan sukacitanya

merasmikan Majlis Khatam Al-Quran  
2015/1436H peringkat MAMPU.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah

Wassalamu Alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.